

23 FEB 2001

MSC-ORACLE

MEMAJUKAN SUMBER PERISIAN BERKEMAHIRAN CABARAN TERBESAR MSC

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

NEW ORLEANS, Louisiana, 23 Feb (Bernama) -- Cabaran terbesar yang dihadapi oleh Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah untuk memajukan sumber "perisian berkemahiran" agar industri teknologi maklumat (IT) di Malaysia boleh dibawa ke tahap yang lebih tinggi, kata seorang pegawai Oracle Corporation.

Derek Williams, naib-presiden eksekutif bagi Asia-Pasifik, berkata Malaysia, yang telah mengeksport beberapa perisian yang dimajukan dalam MSC perlu meneruskan ikhtiar ini untuk bersaing dengan negara-negara seperti India.

Beliau berkata walaupun India bersama beberapa ekonomi serantau lain unggul dalam teknologi perisian, rantau ini secara keseluruhannya masih kekurangan kemahiran perisian dan ketinggalan di belakang Amerika Syarikat dan Eropah dalam bahagian ini.

"Kekurangan sumber perisian berkemahiran adalah halangan terbesar kepada pembangunan keseluruhan industri IT di rantau ini," kata William apabila ditanya oleh pemberita Malaysia mengenai cabaran yang dihadapi oleh MSC.

Pembangunan MSC, yang berukuran 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang daripada Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), diterajui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk berfungsi sebagai pusat kegiatan serantau bagi pembangunan produk perisian tempatan.

Dengan pertumbuhan pesat Internet, MSC yang kini memasuki tahun ke tujuh akan memudahkan pelaksanaan ekonomi berasaskan pengetahuan serta membolehkan interaksi antara pemaju perisian daripada seluruh dunia.

Ketua pegawai eksekutif Oracle Corp, Larry J. Ellison, adalah anggota Panel Penasihat Pelaburan (IAP) bagi MSC yang baru sahaja menamatkan mesyuarat lembaga terbaru pada September lalu.

Williams biasanya mewakili Ellison di mesyuarat IAP.

Williams berkata berikutan keperluan untuk memajukan kemahiran perisian ini menyebabkan Oracle, yang berpangkalan di Redwood, California, menyediakan sokongan bagi kegiatan akademik berkaitan dengan bahagian pembangunan di Malaysia.

Setakat ini, syarikat itu telah membuat pelaburan dalam bentuk mengajar, perisian dan penajaan di Universiti Tun Abdul Razak, Kolej Sunway dan Kolej Binary yang menjadi sebahagian daripada Inisiatif Akademik Oracle.

"Kita harus memastikan Malaysia memajukan generasi pekerja perisian seterusnya," katanya.

Bagi MSC sendiri, beliau berkata ia turut mengalami tekanan akibat daripada kemelesetan kerana kehilangan beberapa dorongan sepanjang kegawatan ekonomi 1997/98.

"Bagaimanapun, sekarang, sudah terdapat kemajuan dalam MSC dan organisasi-organisasi mula memasukinya seperti kami (Oracle)," kata Williams.

Beliau berkata sesetengah daripada projek perintis di MSC telahpun dimulakan dan Oracle terlibat dalam kebanyakan daripada projek itu.

"Telekomunikasi kami banyak terlibat dalam MSC bagi Asia-Pasifik yang sejajar dengan negara lain yang memajukan inisiatif IT mereka," katanya.

"Saya rasa MSC sangat penting kepada Malaysia daripada segi memajukan IT dan Oracle memberi sokongan sepenuhnya."

Apabila ditanya mengenai mesyuarat IAP, Williams berkata: "Saya menyertai setiap mesyuarat lembaga yang diadakan oleh Perdana Menteri dan saya sering bersemuka dengannya dan kami berbincang mengenai perkembangan industri IT di Malaysia dan bagaimana kami boleh membantu syarikat tempatan memasuki pasaran global."

"Perdana Menteri begitu bersemangat untuk memajukan IT di Malaysia dan kali terakhir saya berada di sana kami berbincang mengenai bursa B2B (perniagaan-kepada-perniagaan)."

Sebahagian daripada bursa B2B menggunakan platform perisian Oracle dan telahpun beroperasi di Malaysia dan Dr Mahathir juga begitu berminat dalam bahagian itu, katanya. -- BERNAMA

MR MKO SEL ZK